

TALKING POINTS
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA

SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2024
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

YBhg. Dato' Indera Noridah Binti Abdul Rahim
Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

Ketua-ketua Pengarah

Pengarah-Pengarah Jabatan Persekutuan dan Negeri

Wakil-wakil Pemimpin Tempatan

Wakil-wakil KRT

Wakil-wakil Badan Agama

Wakil-wakil NGO

Wakil-wakil Pelajar

Dan semua yang hadir pada hari ini.

1. Saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua pihak yang hadir ke Sesi Libat Urus Belanjawan 2024 yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara.

2. Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran wakil dari Kementerian Kewangan yang akan menerangkan lebih lanjut tentang hasrat dan matlamat Sesi Libat Urus Belanjawan 2024. Ini bagi membolehkan kita semua memahami hasrat YAB Perdana Menteri untuk 'Memperkasakan Malaysia MADANI'.
3. Seperti mana yang kita ketahui, Kementerian Kewangan telah mencadangkan agar semua Kementerian mengadakan Sesi Dialog Belanjawan 2024 dengan melibatkan pihak berkepentingan masing-masing. Kementerian Perpaduan Negara telah menyahut seruan YAB Perdana Menteri agar penyediaan Belanjawan 2024 akan berpaksikan kerangka Ekonomi MADANI secara menyeluruh dengan semangat perpaduan ke arah kehidupan yang berkualiti untuk rakyat.
4. Sesi libat urus diadakan bagi mendapatkan input dan cadangan daripada tuan-tuan dan puan-puan semua yang merupakan *stake holder* dan pihak berkepentingan yang banyak membantu Kerajaan dalam menjadi agen dan jentera perpaduan di dalam negara ini.
5. YAB Perdana Menteri melalui ucapan pembentangan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) 2021-2025 di Dewan Rakyat pada 11 September 2023 telah menggariskan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, wadah Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat serta Agenda Pembangunan Mampan 2030.

6. YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa semangat perpaduan harus disemai dan dipupuk berteraskan prinsip ihsan dan rahmah. Pelbagai ikhtiar tambahan termasuk penghayatan semangat Rukun Negara, program perdana Kembaran Perpaduan dan aktiviti perpaduan anak muda akan ditingkatkan.
7. Di peringkat Kementerian Perpaduan Negara, **5 Inisiatif Utama** telah dirangka untuk di masukkan dalam Belanjawan 2024 seperti berikut:

BIL	INISIATIF	KETERANGAN INISIATIF
1	Kembaran Perpaduan	Merupakan program Flagship bagi pelaksanaan agenda perpaduan nasional
2	Pemeriksaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Sebagai Penggerak Komuniti Progresif	Peranan KRT akan diperkasakan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (<i>bridge builder</i>) dalam komuniti
3	Eksplorasi Maya Khazanah Negara	Pendigitalan bahan-bahan khazanah negara
4	Ini Warisan Kita Dan Citra Nusa	Melestarikan perpaduan melalui pengetahuan, kefahaman serta penghayatan masyarakat kepada kepelbagaian warisan negara
5	Sukan Perpaduan	Menjadikan sukan sebagai tapak integrasi utama dalam penyatupaduan masyarakat

8. Sehubungan itu, saya berharap Sesi Libat Urus ini dapat dijadikan platform bagi semua pihak untuk mengemukakan cadangan, pandangan dan idea mengenai pengukuhan dan memperkasakan agenda perpaduan di dalam negara beserta dengan keperluan kewangan yang boleh menampung cadangan-cadangan tersebut.
9. Kementerian Perpaduan Negara akan mengumpulkan semua cadangan ini dan seterusnya akan mengemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk disemak dan diteliti dan seterusnya dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam Belanjawan 2024.
10. Cadangan, pandangan dan idea juga boleh dikemukakan secara online melalui pautan ***<https://belanjawan.mof.gov.my/ms/>***